

07 JAN 1999

Tamil Nadu-Petronas

KETUA MENTERI TAMIL NADU JELASKAN PROJEK TENAGA

SEPANG, 7 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Tamil Nadu M.Karunanidhi yang tiba hari ini akan menerangkan mengenai pemilihan konsortium yang diketuai syarikat multinasional Jerman bagi membina terminal tenaga bernilai berbilion ringgit di selatan India, walaupun dibantah oleh Petronas.

"Saya akan membuat penjelasan terperinci mengenai perkara ini", katanya kepada pemberita melalui jurubahasa pada persidangan berita yang ringkas, setibanya di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Beliau dalam rangka lawatan selama tiga hari di sini.

Para pegawai Kedutaan India di sini berkata antara lain ketua menteri itu akan menjelaskan sebab-sebab kerajaan negeri itu membuat keputusan terbabit.

Kenyataan itu dijangka dibuat selepas Karunanidhi bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini, katanya.

Kenyataan itu merupakan ulasan pertama oleh ketua menteri itu bersabit projek terminal gas asli cecair (LNG) dan kilang tenaga bernilai US\$1.6 bilion di Ennore yang diluluskan kepada konsortium yang diketuai Siemens walaupun dibantah oleh syarikat gergasi minyak Malaysia, Petronas.

Syarikat Malaysia itu dalam suratnya kepada Perbadanan Pembangunan Industri Tamil Nadu (TIDCO), agensi yang mengendalikan projek itu, membantah tawaran itu atas alasan bahawa konsortium telah memasukkan 16 peratus cukai kastam dalam tawaran harga, walaupun dalam dokumen tender menyebut tiada cukai kastam dikenakan ke atas LNG.

Mengenai lawatannya, Karunanidhi berkata ia memberikannya peluang untuk melihat bidang yang boleh dijalinkan kerjasama yang boleh diterokai bersama antara Malaysia dan Tamil Nadu, untuk kepentingan bersama.

"Lawatan itu juga bertujuan menjalin dan mengeratkan perhubungan kebudayaan yang telah lama terjalin antara penduduk Malaysia dan Tamil Nadu," katanya.

Ketibaan ketua menteri itu dan isterinya Rajathi Ammal serta Menteri Kesihatan dan Tenaga, Arcot N. Veerasamy disambut oleh Menteri Kerjaraya Datuk Seri S.Samy Vellu, timbalannya Datuk Railey Jeffrey, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk K. Kumaran, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk G. Palanivel dan Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia Paramjit Singh Sahai.

Seramai 100 orang lain turut hadir di pintu masuk dewan orang kenamaan lapangan terbang itu dan menyambut ketua menteri berkenaan dengan ucapan "selamat panjang umur Karunanidhi", sebagai menunjukkan sayang mereka kepadanya, yang sering dikaitkan sebagai pemimpin dunia Tamil.

Lawatan itu adalah yang kedua ketua menteri berusia 76 tahun itu ke Malaysia. Beliau sudah berkhidmat bagi kali keempat sebagai ketua menteri di negeri yang menjadikan Tamil sebagai bahasa pertuturan utama.

Tamil Nadu yang mempunyai kira-kira 55 juta penduduk adalah penyumbang ekonomi kelima terbesar di India dengan pertumbuhan eksport tahunan sebanyak 26 peratus.

-- BERNAMA

RV LAT RON